

16 OCT 1996

PERDANA MENTERI HADIRI MAJLIS RAI AHMAD KAMIL

KUALA LUMPUR, 16 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali malam ini menghadiri majlis makan malam bagi meraikan bekas Ketua Setiausaha Kementerian Luar Tan Sri Ahmad Kamil Jaafar yang bersara.

Di antara mereka yang hadir ialah Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi, Ketua Setiausaha Negara Datuk Abdul Halim Ali dan Ketua Setiausaha Kementerian Luar Datuk Abdul Kadir Mohamad.

Yang turut hadir ialah beberapa orang menteri dan bekas menteri yang pernah berkhidmat sebagai Menteri Luar.

Abdul Kadir berkata malam perpisahan ini adalah sebagai penghormatan kepada Ahmad Kamil yang telah berkhidmat dengan cemerlang kepada negara selama 34 tahun.

Ahmad Kamil kini dilantik sebagai utusan khas Perdana Menteri ke negara-negara Eropah Timur, khususnya negara-negara Balkan seperti Bosnia-Herzegovina dan Croatia. -- BERNAMA

ZAB MAI